

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB BUKAN LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]**

**SOALAN :** Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan akan melakukan rundingan awam sebelum membawa apa-apa cadangan meratifikasi konvensyen antarabangsa.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kajian mengenai penyertaan Malaysia ke instrumen-instrumen antarabangsa hak asasi manusia masih giat dijalankan oleh Jawatankuasa Kecil Teknikal yang diterajui oleh Kementerian atau Agensi terlibat.

3. Kerajaan komited untuk meratifikasi instrumen hak asasi manusia yang masih belum ditandatangani. Walau bagaimanapun, Kerajaan tidak akan terburu-buru dalam meratifikasi konvensyen-konvensyen ini, malah akan memastikan perbincangan berterusan secara berkala diadakan dengan semua pemegang taruh, termasuk masyarakat madani.

4. Langkah ini penting bagi memastikan peruntukan-peruntukan sedia ada dalam konvensyen antarabangsa tersebut adalah serasi dan tidak bercanggah dengan undang-undang domestik sedia ada. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH  
BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]**

**SOALAN NO.131**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan peratusan pembinaan projek perumahan rakyat yang menggunakan konsep "Industrialized Building System (IBS) ".

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), sebanyak 6,042 projek perumahan telah dibina di seluruh negara dari tahun 2015 hingga 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,630 projek perumahan (27%) telah dibina melalui teknologi Sistem Binaan Berindustri (*Industrialised Building System - IBS*).
2. Bagi pembangunan Program Perumahan Rakyat (PPR) di seluruh negara yang diselaraskan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), pihak pemaju yang terlibat perlu mencapai skor minimum 70% penggunaan teknologi IBS seperti yang dinyatakan dalam *Client Brief of Requirement* (CBOR), KP KT.

Sekian, terima kasih.